

13 OCT 1999

WANITA LUAR BANDAR SASARAN PEMBANGUNAN PERTANIAN

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Wanita luar bandar perlu dijadikan kumpulan sasaran untuk pembangunan pertanian dan luar bandar, kata Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail.

Ini penting kerana wanita adalah aset dan agen pembangunan untuk diintegrasikan dalam pembangunan pertanian dan luar bandar, katanya kepada pemberita di sini.

Malaysia sebagai anggota Pertubuhan Pemakanan dan Pertanian (FAO) dan Jawatankuasa Pemandu Wanita Luar Bandar Peringkat Antarabangsa (ISC) melaksanakan strategi relevan dengan tahap pembangunan wanita dan ekonomi negara, katanya.

Zaleha berkata selaras dengan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mampu mengeluarkan makanan yang mencukupi, jabatan-jabatan yang terlibat hendaklah mengatur strategi untuk mempertingkatkan status penglibatan wanita luar bandar dalam pertanian moden atau komersil.

Menurutnya 24 peratus wanita di negara ini masih terlibat dalam pertanian dan ini merupakan peratusan yang tinggi.

"Walaupun mereka telah berkurun-kurun lamanya terlibat dalam sektor pertanian seperti bercucuk-tanam dan membela ayam-itik tetapi mereka dipinggirkan untuk dijadikan kumpulan sasaran dalam pemindahan teknologi pertanian," katanya.

--BERNAMA

MEO MAI